

Azicine 250mg Hard Capsule

Azithromycin dihydrate 262mg setara dengan 250mg of azithromycin

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Azicine
2. Bagaimana Azicine berfungsi
3. Sebelum menggunakan Azicine
4. Cara menggunakan Azicine
5. Semasa menggunakan Azicine
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Azicine
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Azicine

Azithromycin digunakan untuk merawat pelbagai jenis jangkitan yang disebabkan oleh bakteria, seperti jangkitan pernafasan, jangkitan kulit, jangkitan telinga dan penyakit kelamin.

Bagaimana Azicine berfungsi

Ia berfungsi dengan membunuh bakteria atau menghalang pertumbuhannya. Namun, ubat ini tidak akan berfungsi bagi demam sejuk, selesema, atau jangkitan virus yang lain.

Sebelum menggunakan Azicine

- Bila tidak boleh menggunakan

Jika anda alergic terhadap Azicine atau mana-mana antibiotik lain seperti *erythromycin* atau mana-mana bahan kandungan yang disenaraikan pada penghujung risalah ini.

Jika anda rasa mana-mana ini berkenaan dengan anda, atau jika anda ada sebarang keraguan, dapatkan nasihat doktor sebelum mengambil ubat ini.

- Sebelum menggunakan Azicine

Jika mana-mana situasi yang dinyatakan di bawah berkenaan dengan anda, anda harus memberitahu doktor sebelum mengambil ubat ini:

Maklumkan doktor jika anda mengalami penyakit jantung, hati atau ginjal.

Beritahu doktor jika anda sedang mengandung atau menyusukan anak.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang mengambil atau baru-baru ini telah mengambil sebarang ubat lain, termasuk ubat yang diperoleh

tanpa preskripsi.

- Antasid (digunakan untuk masalah pencernaan)
- *Digoxin* (digunakan untuk merawat kegagalan jantung)
- *Zidovudine* (digunakan untuk merawat HIV).
- *Ergot* atau *ergotamine* (digunakan untuk merawat migrain).
- *Ciclosporin* (digunakan untuk meyakat sistem imun bagi mencegah dan merawat penolakan organ atau sumsum tulang yang dipindahkan).
- *Terfenadine* (untuk demam alergi atau alergi kulit).

Cara menggunakan Azicine

- Berapa banyak harus digunakan

Ikut arahan doktor anda dengan teliti.

Jika anda tidak pasti, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

Untuk rawatan penyakit kelamin disebabkan oleh *Chlamydia trachomatis*, *Haemophilus ducreyi* atau terdedah kepada *Neisseria gonorrhoea*,

dos adalah 1000mg (4 kapsul) semua sekali sebagai dos tunggal. Dos biasa untuk semua indikasi lain adalah 1500mg diberikan sebagai 500mg (2 kapsul) setiap hari selama 3 hari. Sebagai alternative, 1500mg boleh diberikan secara 500mg (2 kapsul) pada hari 1, 250mg (1 kapsul) setiap hari pada hari ke2-5.

Dos untuk pencegahan penyakit *Mycobacterium Avium Complex* (MAC) dalam pesakit dengan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) adalah 1200mg sekali seminggu.

Dos rawatan untuk jangkitan *Disseminated Mycobacterium Avium Complex* (DMAC) dalam pesakit dengan *Human Immunodeficiency Virus* (HIV) maju adalah 600mg sekali sehari. Dos pelarasan tidak diperlukan untuk orang tua, ringan hingga sederhana kerosotan buah pinggang (*glomerular filtration rate* 10-80ml/min) dan kerosotan hati.

Azicine tidak boleh diambil oleh kanak-kanak yang beratnya kurang daripada 45kg.

- Bila perlu digunakan

Ambil ubat ini semasa perut kosong sekurang-kurangnya 1 jam sebelum atau 2 jam selepas makan, dengan banyak air.

- Berapa lama perlu digunakan

Anda perlu mengambil ubat ini selagi doktor terus mempreskripsikannya.

- Jika terlupa menggunakan

Jika anda terlupa mengambil Azicine, ambilnya secepat yang anda boleh. Ambil dos seterusnya pada waktu yang betul. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Jika terambil Azicine berlebihan, anda mungkin berasa kurang sihat. Maklumkan doktor atau hubungi Jabatan Kecemasan hospital terdekat dengan segera.

Jika anda ada pertanyaan lanjutan mengenai penggunaan produk ini, sila tanya doktor atau ahli farmasi.

Semasa menggunakan Azicine

- Perkara yang perlu dilakukan

- Jika doktor telah memaklumkan anda untuk mengambil ubat ini apabila anda memerlukannya, beritahu doktor jika simptom anda berubah.

Teruskan dengan siri rawatan anda walaupun anda berasa lebih sihat.

- Jika simptom anda tidak bertambah baik dalam tempoh beberapa hari, atau jika simptom anda bertambah teruk, dapatkan nasihat doktor.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jika anda terlupa mengambil Azicine ambilnya sebaik sahaja anda ingat. Ambil dos yang setrusnya pada waktu yang betul. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Sebelum anda mengambil Azicine doktor perlu tahu sama ada anda mengalami atau pernah mengalami sebarang penyakit berikut: Masalah ginjal, keadaan jantung, masalah hati, dan sama ada anda mengambil sebarang derivatif *ergot* seperti *ergotamine* (digunakan untuk merawat migrain) kerana ubat ini tidak boleh diambil bersama dengan Azicine.

Azicine 250mg Hard Capsule

Azithromycin dihydrate 262mg setara dengan 250mg of azithromycin

Maklumkan doktor dengan segera jika anda berasa jantung anda berdegup dalam dada atau mempunyai degupan jantung yang abnormal, atau berasa pening atau pitam semasa mengambil Azicine. Jika anda mengalami cirit-birit semasa atau selepas rawatan, beritahu doktor dengan segera. Jangan ambil sebarang ubat untuk merawat cirit-birit anda tanpa merujuk kepada doktor terlebih dahulu. Jika cirit-birit anda berterusan, sila beritahu doktor anda.

Kesan-kesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, Azicine boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Hentikan pengambilan ubat ini jika anda mengalami sebarang kesan sampingan dan memberitahu doctor anda secepat mungkin. Kesan sampingan yang paling biasa ialah cirit-birit. Kesan sampingan yang biasa ialah sakit kepala, loya, muntah, ketidakselesaan abdomen (sakit/kejang), pertukaran kuantiti cell darah putih dan kepekatan bicarbonate dalam darah. Kesan sampingan yang tidak biasa adalah seriawan (*candidiasis*), jangkitan faraj, jangkitan paru-paru, jangkitan kulat atau bakteria, radang tekak (*pharyngitis*), ketidakselesaan perut (*gastroenteritis*), gangguan pernafasan, hidung berair (*rhinitis*), seriawan mulut (*oral candidiasis*), berkurangan dalam jumlah bilangan sel-sel darah putih, kiraan neutrophil rendah, bilangan eosinophilis yang meningkat dalam darah, hipersensitiviti, bengkak (*oedema*), hilang selera makan, gemuruh, tidak dapat tidur, pening, penurunan sensitivity rasa, sensasi yang tidak normal, kecacatan penglihatan, gangguan telinga, pening, denyutan jantung yang cepat, kepanasan muka (*hot flush*), sukar bernafas, pendarahan hidung, sembelit, kembung perut, senak, gastritis, kesukaran menelan, kembung abdominal, bersendawa, ulser mulut, aliran air liur meningkat, ruam, gatal-gatal yang teruk pada kulit, keradangan kulit, kulit kering, peluh berlebihan, osteoarthritis, sakit otot, sakit belakang, sakit leher,

kesakitan atau kesukaran untuk kencing, sakit buah pinggang, pendarahan Rahim pada jangka masa yang tidak teratur, sakit atau pembesaran pada buah zakar, kekurangan tenaga, rasa tidak selesa, keletihan, sakit dada, sakit, badan bengkak (*peripheral oedema*), perubahan dalam beberapa parameter darah, tahap klorida meningkat, tahap glukosa meningkat, tahap platelet meningkat dan mulut kering. Azicine boleh menyebabkan alergi teruk dan tindak balas kulit yang serius.

Berhenti menggunakan Azicine dan dapatkan bantuan perubatan dengan segera jika anda mengalami sebarang gejala berikut: Kulit kemerahan, lepuh, ruam, demam, sakit tekak atau kerengsaan mata.

Hubungi doktor dengan segera jika anda mengalami kesan sampingan yang serius seperti reaksi alergik yang serius yang menyebabkan bengkak pada muka atau tekak, kekuningan kulit atau putih mata yang disebabkan oleh masalah hati atau darah.

Sekiranya anda mendapati bahawa kanak-kanak itu muntah dan / atau kesakitan dengan penyusuan berlaku, hubungi doktor dengan segera kerana ia mungkin disebabkan oleh Stenosis Pyloric Hypertrophic Infantile (IHPS). *Jika mana-mana kesan sampingan ini menjadi serius atau anda perhatikan sebarang kesan sampingan yang tidak disenaraikan dalam risalah ini, sila rujuk kepada doktor/ahli farmasi untuk maklumat lanjut.*

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npa.gov.my [Consumers ➔ Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara penyimpanan dan pelupusan Azicine

- Penyimpanan

Tarikh luput pek ini tercetak pada kotak. Jangan gunakan pek ini selepas tarikh berkenaan. Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan ubat dalam bekas yang

tertutup, di tempat yang kering.

Jangan simpan ubat di atas suhu 30°C. Jangan gunakan Azicine jika anda perhatikan sebarang tanda kemerosotan yang nyata.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Kapsul gelatin keras dengan size No.0, penutup kapsul dan badan kapsul berwarna putih yang dicetak “” pada penutup dan “Azicine” pada badan kapsul dengan dakwat hitam yang boleh dimakan, mengandungi serbuk putih.

- Bahan-bahan kandungan

Bahan aktif: Kapsul gelatin keras mengandungi *azithromycin dihydrate* setara dengan 250 mg *azithromycin*.

Bahan tidak aktif: *Lactose monohydrate, pregelatinised starch sodium lauryl sulfate, povidone K30, croscarmellose sodium* dan *magnesium stearate*.

Pengilang

STELLAPHARM J.V. CO., LTD. – BRANCH 1 (A Joint Venture Company of Auxilto GmbH, Germany) No. 40 Tu Do Avenue, Vietnam - Singapore Industrial Park, An Phu Ward, Thuan An Town, Binh Duong Province, Vietnam.

Pemegang Pendaftaran Produk

Stadpharm Sdn.Bhd
E-9-01, Oasis Square, Ara Damansara.
No: 2, Jalan PJU 1A/7A, 47301 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.

Nombor MAL: MAL16065052AZ

Tarikh kemas kini RiMUP

21/08/2023

Nombor Siri

NPRA(R2/2)200518/440